

**GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI MENTERI BESAR (AIMB)
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025**

1. TUJUAN

Garis Panduan (GP) ini bertujuan untuk **calon-calon yang layak menyertai AIMB**. GP ini **menggariskan syarat kelayakan, proses pemilihan pemenang dan kriteria penilaian AIMB Tahun 2025**.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Memupuk pembudayaan inovasi dalam kalangan rakyat Negeri Perak;
- 2.2 Memperkukuhkan penghasilan inovasi produk/ perkhidmatan yang berimpak tinggi kepada kesejahteraan rakyat dan ekonomi negeri; dan
- 2.3 Menambahbaik perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat agar lebih cekap dan produktif.

3. HADIAH PENGHARGAAN

Pemenang Anugerah Inovasi Menteri Besar (AIMB) Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 akan menerima hadiah;

Anugerah Inovasi Menteri Besar (AIMB)	Wang Tunai RM50,000.00 , Piala dan Sijil Penghargaan
--	--

4. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 4.1 **Johan Kumpulan** yang memperoleh penilaian markah **80 peratus dan ke atas** daripada kategori Anugerah Inovasi Terbuka (AI Terbuka), Anugerah Inovasi Lestari Bumi Hijau (AILBH), Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT), Anugerah Inovasi Pejabat Daerah dan Tanah (AIPDT), Anugerah Inovasi Darul Ridzuan (AIDR), Anugerah Inovasi Pengajian Tinggi (AIIPT), Anugerah Inovasi Sekolah Menengah (AISM) dan Anugerah Inovasi Sekolah Rendah (AISR) **layak** untuk menyertai Anugerah Inovasi Menteri Besar (AIMB);
- 4.2 Projek inovasi disarankan menepati objektif yang dinyatakan;
- 4.3 Inovasi yang dicalonkan mestilah berkesan dengan mendatangkan faedah yang nyata dari aspek capaian hasil yang segera, ketara, jelas dan diterima umum serta meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan bersifat memberi faedah secara berterusan untuk jangka masa panjang (kelestarian inovasi).
- 4.4 Inovasi yang dihasilkan boleh bersifat **Inovasi Penciptaan** (penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia) atau **Inovasi Penambahbaikan** (penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah inovatif);
- 4.5 Hanya satu (1) pemenang yang akan dinobatkan. Pemilihan akhir akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemilihan Anugerah

Inovasi Menteri Besar yang akan dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak;

- 4.6 Projek Inovasi yang berjaya memenangi AIMB akan didaftarkan di bawah nama Kerajaan Negeri Perak dan menjadi hak cipta Kerajaan Negeri Perak. Pembayaran bagi pendaftaran hak cipta tersebut akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perak serta 10 peratus hasil pengkomersialan (sekiranya ada) perlu disalurkan kepada Kerajaan Negeri Perak; dan
- 4.7 Keputusan Panel Penilaian AIMB 2025 adalah **MUKTAMAD**.

5. PROSES PEMILIHAN PEMENANG AIMB PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025

- 5.1 Tapisan oleh pihak urus setia bagi memastikan calon memenuhi **syarat kelayakan penyertaan**;
- 5.2 **Penilaian dan senarai pendek** oleh Panel Penilai AIMB berdasarkan Kumpulan Projek Inovasi yang memperoleh penarafan **Anugerah 5 bintang** daripada setiap kategori.
- 5.3 Lawatan tapak akan dilaksanakan bagi calon AIMB pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak;
- 5.4 Perakuan pemenang AIMB dilakukan oleh Jawatankuasa AIMB; dan
- 5.5 **Pengumuman pemenang AIMB** akan diumumkan semasa **Anugerah Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 pada bulan Oktober Tahun 2025**.

**6. SKALA PEMARKAHAN DAN KRITERIA PENILAIAN AIMB
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025**

BIL	KRITERIA UTAMA	SUB KRITERIA	MARKAH
1	INOVATIF	Memaparkan ciri-ciri inovatif yang tinggi seperti kaedah atau eksperimen pelaksanaan yang benar-benar <i>leading edge</i> , perubahan organisasi yang menyeluruh atau pengembelengan teknologi yang berkesan.	30
2	OUTCOME & IMPAK	<p>i. SIGNIFIKAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tinggi (impak kepada Perkhidmatan Awam); atau • Sederhana (impak kepada organisasi); atau • Rendah (impak kepada Bahagian/ Unit). 	40

BIL	KRITERIA UTAMA	SUB KRITERIA	MARKAH
		ii. EFISIEN (Kecekapan) <ul style="list-style-type: none"> • Jimat masa • Jimat kos • Tingkatkan produktiviti • Mudah digunakan (user-friendly) 	
3	TAHAP REPLIKASI/ POTENSI PENGKOMERSIALAN	i. REPLICABILITY <ul style="list-style-type: none"> • Boleh dilaksanakan terus di pelbagai tempat; atau • Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi 	30
		ii. POTENSI PENGKOMERSIALAN <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai potensi untuk dikomersialkan. 	
JUMLAH			100

7. Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkaitan AIMB Tahun 2025, tuan/puan boleh menghubungi pihak urus setia seperti berikut:

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
ARAS 1, BAHAGIAN KORPORAT
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH PERAK DARUL RIDZUAN**

URUS SETIA PERTANDINGAN INOVASI

Nama : Puan Aimy Najwa binti Mohd Kharul Apendi
Puan Nour Hassuriaty binti Shamsudin
Cik Nurul Hidayah binti Khalit
Cik Wan Noor Syahirah binti Anuar

No. Tel : 05-2095000 samb. 5154/ 5196/ 5155

E-mel : inovasi@perak.gov.my